

Selangor optimis turunkan kadar pengangguran

HARIAN METRO MS: 6 13/6/2022

Shah Alam: Kerajaan negeri menetapkan sasaran untuk menurunkan kadar pengangguran negeri kepada 2.6 peratus akhir tahun ini menerusi lebih 20,000 peluang pekerjaan yang ditawarkan dalam Karnival Kerjaya Mega 2022.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Generasi Muda, Sukan dan Modal Insan negeri Mohd Khairuddin Othman berkata, sehingga suku perta-

ma tahun ini, Selangor mencatatkan kadar pengangguran 3.2 peratus, bersamaan 118,100 penganggur.

Beliau berkata, jumlah itu menunjukkan sedikit peningkatan berbanding suku keempat tahun lalu iaitu 2.9 peratus



MOHD Khairuddin

(105,300 orang).

“Namun kita optimis untuk mengekalkan kadar pengangguran di bawah empat peratus. Saya yakin ia mampu dicapai dengan syarat ramai individu datang ke sini (Karnival Kerjaya Mega) mencari kerja.

“Jika semua kerja dipenuhi,

kadar pengangguran boleh turun 2.6 peratus,” katanya kepada media selepas meninjau Karnival Kerjaya Mega 2022 di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), kelmarin.

Mohd Khairuddin berkata, program dua hari yang berakhir hari ini menawarkan lebih 20,000 peluang pekerjaan daripada 100 syarikat dan agensi kerajaan. - Bernama